

Readiness of Community College for Inclusive Education of Students with Disabilities

Suhaina Mohamed Zaki^a, Fadzillah Binti Mohd Yusof^b, Sharifah Masitah Syed Salim^c,
Saasobah @ Nor Adibah Ali^d

Kolej Komuniti Pasir Gudang^{abd}, Kolej Komuniti Tanjung Piai^c
E-mail: aina9880.kkpg@gmail.com

Abstract: The increase in the inclusion of people with disabilities in higher education institutions requires that the Public Higher Education Institutions (IPTA) recognize the rights and needs of people with disabilities to further their education. After a public university, the Disability Inclusion Policy will be extended to all polytechnics and community colleges. The purpose of this inclusive education policy is to eliminate the segregation of students with disabilities to get the best education, while benefiting non-disabled students. However, there are some challenges in achieving inclusive policy goals: non-dynamic organization, lack of technology aids and difficulty accessing students' physical learning environment by wheelchair or with walking aids. Therefore, this study was conducted to study the need to provide comprehensive infrastructure and facilities as well as to provide trained lecturers to special needs students in polytechnics and community colleges. This study involved lecturers and community college management as respondents. It uses questionnaires and interviews to obtain data and research results are analyzed descriptively using Statistical Packages For Social Sciences for windows version 23.0 (SPSS) software to obtain frequency, percentages and mean scores while interview data are analyzed manually. is positive about the learning support of special needs students. While the institution's readiness for infrastructure facilities for special needs students needs to be enhanced by taking into account the financial factors that are channeled to the institution. Lecturers' experience and skills in managing students with disabilities are a key factor in the success of this group's Learning and Teaching sessions, however these skills are still at a low level and need to be given more relevant training not only for lecturers, but also for support staff as support groups. towards enabling inclusive learning.

Keywords: level of readiness; community college; special needs student;

PENDAHULUAN

Pendidikan khas merujuk kepada sistem pembelajaran menggunakan bahan pengajaran khas dan direka khas untuk keperluan golongan OKU. Pelajar berkeperluan khas merupakan individu kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran dan memerlukan pendidikan khusus bagi perkembangan potensi dan bakat. (M.S.Nasir, R.Hamzah, n.d.)). Merujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Kebajikan Masyarakat (JPWKL), Orang Kurang Upaya boleh diklasifikasikan kepada tujuh kategori utama (Pendidikan, n.d.):

- i. Kurang Upaya Pendengaran
- ii. Kurang Upaya Penglihatan
- iii. Kurang Upaya Fizikal
- iv. Masalah Pembelajaran
- v. Kurang Upaya Pertuturan

- vi. Kurang Upaya Mental
- vii. Kurang Upaya Pelbagai

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, usaha bagi menggalakkan perkembangan pelajar berkeperluan khas yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan di samping menyedari potensi diri diwujudkan dalam falsafah pendidikan khas. Visi dan misi pendidikan khas adalah memberikan pendidikan yang berkualiti bagi pelajar berkeperluan khas dengan membangunkan modal insan yang cemerlang, perkembangan potensi diri yang optimum, keupayaan berdaya saing dan kebolehpasaran. (M.S.Nasir, R.Hamzah, n.d.)

Bagi memastikan hak sama rata di kalangan pelajar OKU dalam peluang pengajian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Dasar Sifar Penolakan (Zero-reject Policy) bagi pelajar berkeperluan khas. Dasar ini juga memastikan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan adalah berterusan di institusi pendidikan. Malaysia telah memperkenalkan pelaksanaan Pendidikan Inklusif sebagai komitmen Negara dalam memberi ruang pendidikan kepada golongan OKU. Golongan OKU mendapat pendidikan daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke Institusi Pendidikan tinggi (IPT). Tujuan pelaksanaan dasar pendidikan inklusif ini adalah untuk menghapuskan pengasingan pelajar OKU daripada pelajar-pelajar lain yang mampu memberi manfaat kepada pelajar OKU. Bagi memastikan pihak IPT menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar OKU, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Inklusif OKU. Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi juga telah disediakan untuk memperkasakan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan kepada pelajar-pelajar OKU yang meneruskan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta. (Pendidikan, n.d.)

Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu mempunyai kesamarataan dalam sistem pendidikan dengan menyediakan keperluan dari segi infrastruktur, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan pelbagai bentuk sokongan yang relevan dengan keperluan golongan OKU ini. Dalam usaha menyediakan peluang pembelajaran yang optimum kepada pelajar berkeperluan khas, institusi perlu menyediakan infrastruktur fizikal yang kondusif. Ini termasuk tandas, laluan bagi pelajar kurang upaya fizikal, perabot dan alat bantu mengajar yang bersesuaian. Kelas atau makmal juga perlu dibina secara terancang serta memenuhi ciri-ciri sebuah ruang pembelajaran pelajar berkeperluan khas. (Hanafi et al., 2013)

Terdapat beberapa cabaran dalam mencapai matlamat dasar inklusif iaitu organisasi yang tidak dinamik, kekurangan alat bantuan teknologi dan kesukaran akses kepada persekitaran pembelajaran secara fizikal oleh pelajar dengan kerusi roda atau dengan alat bantuan berjalan. Halangan dalam sokongan pembelajaran seperti sikap prejudis terhadap pelajar OKU mengakibatkan tercetusnya diskriminasi seterusnya menyebabkan kegagalan dalam proses pembelajaran inklusif. Halangan dalam sokongan pembelajaran turut melibatkan keperluan asas pengajaran dan pembelajaran serta penyaluran maklumat bagi golongan OKU ini. Prosedur dan amalan yang tidak fleksibel dalam organisasi juga menyukarkan pelajar OKU (Pendidikan, n.d.). Penyediaan keperluan infrastruktur bagi pelajar OKU juga menjadi cabaran kepada pihak institusi yang mana mengakibatkan pelajar OKU mempunyai kesukaran untuk mengakses bangunan dan fasiliti dalam proses pembelajaran di samping kemudahan tandas yang tidak mesra OKU.

Turut diperhatikan bahawa pelajar kurang upaya mendaftar dalam TVET menghadapi lebih banyak halangan berbanding dengan rakan yang bukan dari golongan OKU. (Cocks & Thoresen, 2013). Halangan yang paling sering dilaporkan berkaitan dengan kekurangan sumber, sementara sokongan dilaporkan sebagai faktor yang paling penting dalam memudahkan pembelajaran (Cocks & Thoresen, 2013). Menbere (2007) meringkaskan faktor utama yang turut mencabar pembelajaran pelajar kurang upaya, ialah jenis kecacatan, kekurangan kakitangan terlatih, kekurangan latihan dan peluang pekerjaan, masalah sikap, batasan dasar nasional, halangan seni bina dan kurangnya koordinasi. Selain itu, cabaran juga merangkumi bangunan yang tidak dapat diakses, sistem komunikasi, infrastruktur, kekurangan alat bantuan teknologi dan halangan psikologi (ILO/Japan Technical Konsultasi mengenai Latihan dan Pekerjaan Vokasional, 2003). (A.Y Malle, R.Pirtiimaa, 2015)

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan institusi terhadap sokongan pembelajaran pelajar berkeperluan khas.
- ii. Mengenalpasti tahap kesediaan institusi terhadap kemudahan infrastruktur bagi pelajar berkeperluan khas
- iii. Mengenalpasti tahap kesediaan institusi terhadap pensyarah dari segi latihan pendidikan khas

METODOLOGI

Sampel Kajian

Sampel kajian ini dipilih melalui kaedah pensampelan rawak mudah. Sampel kajian terdiri daripada 50 orang pensyarah dan staf Kolej Komuniti Malaysia.


Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan menggunakan instrumen soal selidik dan temubual bagi mendapatkan data dan dapatan kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences For Windows Version 23.0 (SPSS) untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus serta skor min. Data temu bual dianalisis secara manual. Temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak bagi mencapai objektif kajian. (M.H.Yasin, N.M. Salleh, H.Toran, 2012)

HASIL

Responden adalah terdiri daripada 50 pensyarah dari kolej komuniti semalaysia yang diambil secara rawak.

Persoalan Kajian 1, sejauhmana tahap kesediaan institusi terhadap sokongan pembelajaran pelajar berkeperluan khas. Persoalan kajian ini mendapat purata nilai min 4.04 mata menunjukkan kesediaan institusi adalah positif terhadap sokongan pembelajaran pelajar berkeperluan khas.



Gambarajah 1 : Graf Skor Min Persoalan Kajian 2


Berdasarkan gambarajah di atas menunjukkan graf Persoalan Kajian 2, sejauhmana tahap kesediaan institusi terhadap kemudahan infrastruktur bagi pelajar berkeperluan khas. Persoalan kajian ini mendapat purata nilai min 2.73 mata agak rendah menunjukkan kesediaan institusi terhadap kemudahan infrastruktur bagi pelajar berkeperluan khas perlu diperbaiki lagi.

Item soalan Q5 : Kemudahan dan peralatan bantu mengajar yang mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi. Seramai 14 responden menyatakan ada, sementara 36 menyatakan tiada. Ini menunjukkan hanya 28% responden setuju bahawa kemudahan dan peralatan bantu mengajar yang mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi.

Item soalan Q6 : Kemudahan infrastruktur seperti laluan bagi kerusi roda dan panduan pejalan kaki buta (blind guide walk way) ada disediakan di institusi. Seramai 17 responden menyatakan ada sementara 33 responden menyatakan tiada. Ini menunjukkan 34% responden setuju bahawa kemudahan infrastruktur seperti laluan bagi kerusi roda dan panduan pejalan kaki buta (blind guide walk way) ada disediakan di institusi.

Item soalan Q7 : Tempat letak kenderaan kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi. Seramai 34 responden menyatakan ada sementara 16 responden menyatakan tiada. Ini menunjukkan 68% responden setuju bahawa tempat parking kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi.

Item soalan Q8 : Kemudahan tandas bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi. Seramai 21 responden menyatakan ada sementara 29 responden menyatakan tiada. Ini menunjukkan 42% responden setuju bahawa kemudahan tandas bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi.



Gambarajah 2 : Graf Skor Min Persoalan Kajian 3

Gambarajah di atas menunjukkan graf Persoalan Kajian 3, sejauhmana tahap kesediaan institusi terhadap pensyarah dari segi latihan pendidikan khas. Persoalan kajian ini mendapat skor min 2.89 mata adalah positif bagi pernyataan kesediaan institusi terhadap pensyarah dari segi latihan pendidikan khas.

Secara keseluruhannya skor min keseluruhan adalah 3.26 mata bermakna persoalan kajian berada dalam skala setuju dan positif untuk persoalan kajian tahap kesediaan kolej komuniti bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas.

Item soalan Q1, pegawai psikologi bertauliah berfungsi sebagai pemudahcara antara pelajar berkeperluan khas dengan pensyarah di institusi terutama dari segi perkhidmatan kaunseling dan emosi pelajar berkeperluan khas/Orang Kelainan Upaya (OKU). Skor min tertinggi dicatatkan iaitu 4.20 mata menunjukkan responden bersetuju bahawa pegawai psikologi bertauliah berfungsi sebagai pemudahcara antara pelajar berkeperluan khas dengan pensyarah di institusi terutama dari segi perkhidmatan kaunseling dan emosi pelajar berkeperluan khas/Orang Kelainan Upaya (OKU).

Item soalan Q12, pensyarah mempunyai kemahiran bahasa isyarat sebagai persediaan berkomunikasi dengan pelajar berkeperluan khas pendengaran. Skor min ini adalah yang paling rendah iaitu 1.94 mata. Ini menunjukkan responden sangat tidak bersetuju bahawa pensyarah mempunyai kemahiran bahasa isyarat sebagai persediaan berkomunikasi dengan pelajar berkeperluan khas pendengaran. Kesediaan pensyarah dalam skop ini adalah rendah.

Item soalan Q17, Pembelajaran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kolej komuniti adalah sesuai bagi pelajar berkeperluan khas. Seramai 50% responden menyatakan ianya sesuai dengan perlu penyediaan kemudahan yang mesra OKU, 46% menyatakan kurang sesuai dan perlu lihat jenis Orang Kelainan Upaya OKU (disability) pelajar dan 4% responden menyatakan tidak sesuai. Berdasarkan dapatan ini, 25 responden bersetuju bahawa pembelajaran TVET di kolej komuniti adalah sesuai bagi pelajar berkeperluan khas dengan perlu kepada penyediaan kemudahan yang mesra OKU.

Diantara responden yang menyatakan pembelajaran TVET kurang sesuai adalah dari bidang Pengajian Am, Terapi Kecantikan dan Spa, Dandan Rambut, Pengurusan Hotel, Elektrik & Elektronik, Perkhidmatan Logistik, Fesyen dan Pakaian, Sistem Teknologi Rangkaian dan Komputer, Pengoperasian Perniagaan, Teknologi Pembuatan dan Teknologi Maklumat & Komputer. Sementara responden yang menyatakan pembelajaran TVET sesuai dengan perlu penyediaan kemudahan yang mesra OKU adalah dari bidang Teknologi Maklumat & Komputer, Pengoperasian Perniagaan, Pengajian Am, Automotif, Teknologi Elektrik, Dandan Rambut dan Fesyen dan Pakaian. Terdapat 2 responden yang menyatakan tidak sesuai adalah dari bidang Teknologi Pembuatan dan Teknologi Maklumat.

Cadangan Responden Dalam Borang Soal Selidik :

1. Kursus yang bersesuaian perlu dikenalpasti untuk pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU)
2. Perbezaan kategori OKU perlu dikenalpasti kerana tidak semua pensyarah mempunyai kemahiran yang boleh mengendalikan pelajar OKU dengan baik.
3. Tidak semua institusi mempunyai kemudahan mesra OKU. Membuat kajian lebih mendalam ke atas kolej komuniti yang sesuai dan mempunyai kemudahan fasiliti mesra OKU.
4. Pelajar kurang upaya perlu diberi peluang untuk mengikuti kursus TVET yang bersesuaian dengan kategori kurang upaya mereka. Pihak pengurusan sesebuah institusi juga perlu mengambil langkah yang terbaik dari segi kemudahan semasa mereka di institusi dan menyediakan peluang pekerja selepas tamat belajar agar masa hadapan mereka cerah tanpa mengharapkan bantuan-bantuan luar.

5. Pelajar OKU fizikal ditempatkan di institusi yang tertentu sahaja yang mampu menyediakan infrastruktur yang mesra OKU.

Bagi sesi temuduga pula, Responden 1 adalah Pengarah Kolej Komuniti menyatakan bahawa terdapat politeknik dan kolej komuniti yang telah menawarkan kursus kepada pelajar OKU. Kolej Komuniti Pasir Gudang (KKPG) belum mempunyai kesediaan yang menyeluruh tetapi mempunyai permintaan yang baik dan terbukti kerana ada menerima pelajar OKU sebelum ini dan pelajar berkenaan berjaya menamatkan pengajiannya. Namun, pensyarah perlu mengikuti kursus khas seperti bahasa isyarat, psikologi bagi menghadapi pelajar keperluan khas. Fasiliti KKPG juga perlu ditambah baik supaya bersesuaian dengan keperluan mereka. Peruntukan yang lebih diperlukan bagi tujuan ini. Status KKPG sekarang masih belum cukup sedia menerima atau menawarkan kursus kepada golongan berkeperluan khas ini dalam skala yang lebih kerana sebelum ini hanya menerima satu atau dua pelajar dalam satu masa sahaja. Kursus kemahiran yang bersesuaian boleh ditawarkan kepada pelajar berkeperluan khas, namun pihak Jabatan Pendidikan politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) perlu memperhaluskan beberapa perkara termasuk :

1. Memberi perhatian kepada silibus khusus yang bersesuaian dengan keupayaan mereka dan pada masa yang sama mendapatkan pengakreditan untuk program khusus ini.
2. Menyemak akreditasi yang fleksibel bagi pelajar berkeperluan khas.
3. Memberi panduan pengurusan emosi supaya pensyarah lebih bersedia untuk menghadapi pelajar berkeperluan khas.
4. Menyediakan fasiliti yang sesuai dengan pelajar berkeperluan khas.
5. Menyediakan kolaborasi dengan industri dan agensi bagi menerima graduan golongan ini untuk menjalani latihan industri dan bekerja setelah tamat belajar.

Responden 2 pula adalah Timbalan Pengarah Akademik kolej komuniti menyatakan, Politeknik dan kolej komuniti mampu menjadi hub pembelajaran OKU tetapi beberapa perkara perlu diambil kira iaitu:

1. Perlu fokus kepada politeknik dan kolej komuniti terpilih sebagai hub yang menyediakan kemudahan yang lengkap yang menjimatkan perbelanjaan.
2. Menawarkan kursus kepada jenis oku yang dinilai bersesuaian seperti bisu pekak, masalah pembelajaran atau fizikal bagi memudahkan pihak pengurusan memahami dan bersedia untuk memenuhi keperluan pelajar termasuk keselamatan sepanjang pengajian di institusi.
3. Kolaborasi dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan organisasi berkaitan untuk menyediakan pelajar berkeperluan khas yang layak masuk ke kolej komuniti.
4. Buat masa ini sudah ada beberapa politeknik dan kolej komuniti yang menjalankan program khas untuk OKU tetapi sangat terhad. Contohnya politeknik hanya menerima pelajar keperluan khas pekak bisu bagi Sijil Hotel Katering di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS). Kolej komuniti menerima pelajar berkeperluan khas slow learner di Kolej Komuniti Ledang dan Kuala Terengganu.
5. Mencadangkan memberi keutamaan kepada kolej komuniti yang mempunyai infrastruktur jenis kampus berbanding kolej komuniti rumah kedai kerana persekitarannya lebih sesuai dengan keperluan dan keselamatan pelajar OKU khususnya yang berkerusi roda.

PERBINCANGAN

Bab ini membentangkan hasil penyelidikan ini mengikut objektif kajian. Sebagai warganegara Malaysia, pelajar kurang upaya mempunyai hak sosial untuk mendapatkan akses dan ekuiti dalam pendidikan. Jaminan akses dan keadilan dalam pendidikan adalah salah satu kaedah utama untuk memperkasakan pelajar kurang upaya di negara kita. Tidak seperti pelajar lain yang tidak mempunyai kecacatan, pelajar kurang upaya memerlukan persekitaran yang mesra OKU dan perkhidmatan sokongan tenaga pengajar untuk membantu mereka menjalani pengajian yang optimum.

Oleh yang demikian, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesediaan dalam menyediakan prasarana dan kemudahan yang menyeluruh serta persediaan pensyarah terlatih kepada pelajar berkeperluan khas di politeknik dan kolej komuniti. Pencapaian utama penyelidikan ini akan dibincangkan berdasarkan tiga kategori seperti pada bahagian berikut. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah sokongan pembelajaran, kemudahan infrastruktur dan pensyarah dari segi latihan pendidikan khas memainkan peranan penting dalam mencapai objektif kajian ini. Ketiga-tiga faktor ini menyumbang kepada tahap kesediaan kolej komuniti bagi memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas.

Objektif Kajian Pertama

Mengenalpasti tahap kesediaan institusi terhadap sokongan pembelajaran pelajar berkeperluan khas.

Hasil dapatan menunjukkan kesediaan institusi adalah positif terhadap sokongan pembelajaran pelajar berkeperluan khas dengan skor min 4.04 mata. Antara sokongan pembelajaran pelajar berkeperluan khas ini adalah melibatkan Pegawai psikologi bertauliah di mana ia berfungsi sebagai pemudahcara antara pelajar berkeperluan khas dengan pensyarah di institusi terutama dari segi perkhidmatan kaunseling dan emosi pelajar berkeperluan khas / Orang Kelainan Upaya (OKU). Selain itu, program orientasi pelajar berkeperluan khas / Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu diadakan di awal semester untuk membolehkan mereka mengenali sistem institusi dan tenaga pengajarnya dengan lebih baik. Dari segi keselamatan juga perlu dititikberatkan bagi memastikan pelajar OKU senantiasa dalam keadaan yang selamat sewaktu situasi kecemasan dan diamalkan. Pihak pengurusan dan semua warga institusi bekerjasama mengamalkan budaya mesra pelajar berkeperluan khas / Orang Kelainan Upaya (OKU) di institusi.

Objektif Kajian Kedua

Mengenalpasti tahap kesediaan institusi terhadap kemudahan infrastruktur bagi pelajar berkeperluan khas

Faktor kemudahan infrastruktur juga mempengaruhi Pengajaran dan Pembelajaran di kalangan pelajar kurang upaya di kolej komuniti. Persoalan kajian ini mendapat skor min 2.73 mata agak rendah menunjukkan kesediaan institusi terhadap kemudahan infrastruktur bagi pelajar berkeperluan khas perlu diperbaiki lagi. Sebanyak 14 responden menyatakan ada, sementara 36 menyatakan tiada bagi kemudahan dan peralatan bantu mengajar yang mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) ada disediakan di institusi. Peralatan bantu mengajar amat penting bagi membolehkan program pelajar khas ini berjaya dilaksanakan. Kemudahan infrastruktur seperti laluan bagi kerusi roda dan panduan pejalan kaki buta (blind guide walk way) ada disediakan di institusi. Selain itu, sebanyak 68% responden setuju bahawa tempat parking kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU) disediakan di institusi. Ini bagi membolehkan pelajar kurang upaya untuk meletakkan kenderaannya di tempat khas dan dekat dengan institusi. Kemudahan tandas bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) juga ada disediakan di institusi.

Objektif Kajian Ketiga

Mengenalpasti tahap kesediaan institusi terhadap pensyarah dari segi latihan pendidikan khas

Pensyarah yang mempunyai minat dan pengalaman dalam menguruskan pelajar kurang upaya adalah faktor utama dalam sesi Pembelajaran dan Pengajaran yang berjaya. Kemahiran Khas seperti Kemahiran Bahasa Isyarat dan Kemahiran Pendidikan Khas dilihat sebagai nilai tambah. Pensyarah memerlukan kemahiran khas dan pengalaman mengajar untuk ketidakupayaan pelajar, bilangan pensyarah (nisbah kepada pelajar) juga perlu diketahui, kaedah pembelajaran dan pengajaran yang digunakan untuk pelajar dan juga kaedah penilaian yang digunakan. pensyarah mempunyai kemahiran bahasa isyarat sebagai persediaan berkomunikasi dengan pelajar berkeperluan khas pendengaran. Skor min ini adalah yang paling rendah iaitu 1.94 mata. Ini menunjukkan pensyarah kurang mempunyai kemahiran bahasa isyarat sebagai persediaan berkomunikasi dengan pelajar berkeperluan khas pendengaran.

KESIMPULAN

Golongan pelajar OKU tidak terkecuali dalam menimba ilmu dan kemahiran seperti pelajar yang normal. Golongan ini tidak boleh dilupakan dalam arus akademik. Beberapa faktor diambil kira dalam mengkaji kesediaan dalam menyediakan prasarana dan kemudahan yang menyeluruh serta persediaan pensyarah terlatih kepada pelajar berkeperluan khas di politeknik dan kolej komuniti. Antaranya adalah dari segi sokongan pembelajaran, kemudahan infrastruktur dan juga latihan pendidikan khas di kalangan pensyarah. Kesediaan daripada faktor tersebut adalah penting untuk memastikan pelajar berkeperluan khas ini tidak ketinggalan dalam arus pendidikan.

RUJUKAN

- A.Y Malle, R.Pirtiimaa, T. S. (2015). Inclusion of students with disabilities in formal vocational education programs in ethiopia. 30, 57–67.
- Adhikari, e. R. (2018). The experiences of learners with disabilities in mainstream vocational training in nepal. December. <https://doi.org/10.13152/ijrvet.5.4.4>
- Azman, n., & ali, m. M. (2008). Faktor ibu bapa dalam kecemerlangan akademik pelajar pekak : kajian kes. 5, 79–98.
- Bali, n., & othman, m. H. (2017). Keterlibatan dan kompetensi kaunseling multibudaya guru bimbingan dan kauseling sekolah terhadap murid berkeperluan khas abstrak involvement and multicultural counselling competency among school guidance and counselling teacher towards special needs students abstract pengenalan. 2(1), 44–52.
- Hanafi, m., yasin, m., toran, h., tahar, m. M., bari, s., nur, s., ibrahim, n., & zaharudin, r. (2013). (current special education classroom 28, 1–9.
- M.h.yasin, n.m. salleh, h.toran, m. T. & s. N. I. (2012). Perspektif tenaga pengajar program integrasi pendidikan khas terhadap infrastruktur di sekolah. 57, 53–60.
- M.s.nasir, r.hamzah, a. U. (n.d.). Falsafah pendidikan kebangsaan memperkasakan peranan pendidikan teknik vokasional dan pendidikan khas.
- Pendidikan, f., hanafi, m., yassin, m., & pendidikan, f. (2009). Pendidikan teknik dan vokasional (vocational dan technical education. 73–87.
- Pendidikan, k. (n.d.). Garis panduan pelaksanaan dasar inklusif oku di institusi pendidikan tinggi.
- Shazila, i. (n.d.). Kolej komuniti sebagai hub melanjutkan pelajaran bagi golongan orang kelainan upaya (oku) : satu tinjauan.
- Tie, f. H. (2016). Perkembangan rangka perundangan undang-undang pendidikan. February.
- Yusof, a. M., tun, u., onn, h., ali, m. M., salleh, a. M., & pendidikan, f. (2013). Pendidikan vokasional pelajar berkeperluan khas ke arah memenuhi pasaran pekerjaan. June, 1189–1196.